



**JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT (JISTM)**

www.jistm.com



**ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP GAMBAR LAMA BAGI
MENCUNGKIL MAKLUMAT MENGENAI FESYEN ZAMAN
SILAM DALAM KONTEKS NEGERI KEDAH**

*CONTENT ANALYSIS OF OLD PICTURES TO ELICITE INFORMATION ABOUT
THE FASHION OF THE PAST IN THE CONTEXT OF THE KEDAH STATE*

Fakhrul Anuar Aziz^{1*}, Husniza Husni², Muhamad Mat Yakim³, Jasni Ahmad¹

¹ Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: fakhrul@uum.edu.my ; jasni@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pengkomputeran, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: husniza@uum.edu.my

³ Pejabat Menteri Besar Kedah, Malaysia

Email: muhamad@kedah.gov.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2023

Revised date: 16.11.2023

Accepted date: 22.12.2023

Published date: 31.12.2023

To cite this document:

Aziz, F. A., Husni, H., Mat Yakim, M.M & Ahmad, J. (2023). Analisis Kandungan Terhadap Gambar Lama Bagi Mencungkil Maklumat Mengenai Fesyen Zaman Silam Dalam Konteks Negeri Kedah. *Journal of Information System and Technology Management*, 8 (33), 361-368.

DOI: 10.35631/JISTM.833025.

Abstrak:

Gambar lama dapat memberikan maklumat yang dikehendaki misalnya fesyen pakaian pada zaman dahulu. Gambarfoto bersejarah menjadi dokumen penting bagi mendapatkan maklumat silam. Maklumat sebegini amat penting dalam pembikinan filem atau drama yang memerlukan ketepatan sejarah dari sudut pakaian. Kajian ini menggunakan gambar dari proses fotografi sebagai kaedah penyelidikan. Gambar-gambar lama daripada koleksi pengumpul gambar digunakan sebagai bahan kajian. Hasilnya, beberapa maklumat penting berkaitan fesyen pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 dapat dikenalpasti. Misalnya, berdasarkan gambar yang diperhatikan, didapati terdapat pengaruh pakaian Inggeris, Arab, China dan India.

Kata Kunci:

Gambar Lama, Analisis Kandungan, Fesyen, Pakaian, Fotografi, Antropologi Visual

Abstract:

Old photos can provide the desired information such as clothing fashion in the past. Historical photographs are important documents for obtaining information about the past. This kind of information is very important in the making of a film or drama that requires historical accuracy from a clothing

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



point of view. This study uses images from the photographic process as a research method. Some old photographs from the collection of photo archiver have been used as research material. As a result, some important information related to fashion at the end of the 19th century and the beginning of the 20th century for the state of Kedah can be identified. For example, based on the pictures examined, we can see the influence of English, Arabic, and Indian clothing.

Keywords:

Old Photos, Content Analysis, Fashion, Clothing, Photography, Visual Anthropology

Pengenalan

“Sekeping gambar dapat menceritakan beribu perkataan”. Begitulah ungkapan yang sering kita dengar berkaitan paparan visual. Penyataan ini membawa maksud bahawa berdasarkan sebuah lukisan atau gambar, kita dapat mencungkil pelbagai maklumat atau ‘kisah’ daripada pemerhatian kita sendiri.

Oleh yang demikian, kertas kerja ini mengutarakan tentang pencungkilan maklumat daripada gambar lama peristiwa perlawanan laga kerbau melibatkan rakyat biasa di Kedah yang disimpan oleh Muzium Arkeologi dan Antropologi, Universiti Cambridge. Maklumat yang difokuskan ialah berkaitan fesyen pada masa gambar itu diambil.

Gambar gaya pemakaian rakyat biasa di Kedah pada penghujung abad ke-19 agak sukar ditemui kerana pada masa itu fotografi hanya dapat diakses oleh golongan bangsawan sahaja. Oleh itu tidak hairanlah apabila kita agak mudah mendapatkan gambar rujukan bagi golongan bangsawan berbanding rakyat biasa. Sebagai contoh, Gambar 1 menunjukkan gaya pakaian bangsawan Melayu Kedah yang bertengkolok dan bersampin. Fesyen pakaian mereka lebih menarik dan bahannya tampak mahal berbanding rakyat biasa.



Gambar 1: Bangsawan Kedah Dan Siam Bersama Pegawai Inggeris Sekitar Tahun 1890 - 1900

Sumber: National Archives of Thailand (2020)

Ulasan Karya

Filem, sebagai medium penceritaan dan persembahan visual yang berkuasa, mempunyai keupayaan unik untuk membawa penonton ke masa dan tempat yang berbeza. Walau bagaimanapun, ketepatan peristiwa sejarah yang digambarkan dalam filem telah menjadi subjek perdebatan. Walaupun kebebasan artistik sering diambil kira demi hiburan, namun adalah penting untuk menjaga ketepatan sejarah dalam filem. Ulasan ini meneroka kepentingan menggambarkan sejarah dengan jujur dalam pawagam dan kesannya terhadap pemahaman penonton tentang masa lalu.

Filem sejarah berfungsi sebagai arkib visual, memelihara warisan budaya dan membolehkan penonton berhubung dengan zaman nenek-moyang mereka. Apabila pembuat filem mewakili tetapan sejarah, pakaian dan adat resam dengan tepat, mereka menyumbang kepada pemeliharaan dan penghargaan budaya yang pelbagai. Ini boleh memupuk rasa bangga dan identiti dalam kalangan penonton (Rosenstone, 1995).

Filem sejarah juga berpotensi menjadi alat pendidikan yang padu. Apabila peristiwa sejarah digambarkan dengan tepat, ia memberikan nilai tambahan yang berharga kepada kaedah pembelajaran tradisional. Pelajar dan orang awam boleh mendapatkan pandangan tentang masa lalu, menggalakkan penerokaan dan kajian lanjut (Carnes, & Seixas, 2012).

Penggambaran sejarah yang tepat membantu dalam mempersembahkan gambaran yang lebih tulen bagi individu dan komuniti yang terlibat dalam peristiwa penting. Ini amat penting dalam memberi penerangan tentang cerita yang kurang diketahui dan terpinggir yang mungkin telah diabaikan dalam naratif sejarah tradisional sesebuah negara (Thompson, 2001).

Gambaran yang tidak tepat dalam filem sejarah boleh membawa kepada salah tanggapan dan menguatkan stereotaip. Dengan berusaha untuk ketepatan, pembuat filem boleh menyumbang untuk menghilangkan mitos dan mempromosikan pemahaman yang lebih bernuansa tentang masa lalu. Ini amat relevan apabila menangani topik sejarah yang sensitif atau kontroversi (Rosenstone, 2006).

Mengekalkan ketepatan sejarah meningkatkan kredibiliti pembikin filem dan membina kepercayaan penonton. Penonton lebih cenderung untuk terlibat dan menghormati filem yang menunjukkan komitmen untuk mewakili masa lalu dengan jujur. Kepercayaan ini amat penting dalam mewujudkan kesan yang berkekalan terhadap persepsi khalayak terhadap peristiwa sejarah (Elsaesser, & Hagener, 2015).

Kesimpulannya, ketepatan sejarah dalam filem bukan sekadar pilihan gaya tetapi ia adalah tanggungjawab yang dipikul oleh pembuat filem. Dengan mematuhi prinsip keaslian, filem sejarah boleh menyumbang kepada pemeliharaan warisan budaya, sebagai alat bantuan pembelajaran, memberikan gambaran sahih, menghilangkan salah tanggapan dan membina kepercayaan penonton. Ulasan yang disediakan menawarkan asas untuk penerokaan lanjut tentang kepentingan gambaran masa lalu yang bernuansa dan tepat di layar perak.

Penyataan Masalah

Pakaian rakyat biasa yang dipaparkan dalam filem atau drama bersejarah di Malaysia kadangkala sangat keterlaluan dan tidak tepat dari sudut sejarah. Sebagai contoh, pakaian rakyat biasa sepatutnya ringkas tetapi digambarkan berbusana seperti golongan bangsawan. Ini

akan menjelaskan kredibiliti penerbitan tersebut. Penonton akan rasa seolah-olah ditipu. Jadi seseorang pengarah filem yang hebat kebiasaannya akan berhati-hati dalam aspek ini kerana ia melibatkan sejarah (Jins Shamsudin, 2014).

Sebagai contoh, pengarah filem bertema sejarah bertajuk Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan, Syamsul Yusuf berkata beliau tidak boleh bersikap 'lebih kurang' dalam pembikinan filem. Pakaian, lokasi dan pelakon tambahan, semuanya haruslah sempurna (Raja Nurfatimah, 2018). Ini adalah kerana beliau sedar bahawa penonton semakin bijak menilai sesebuah karya filem, terutama yang berkaitan sejarah.

Ini menunjukkan aspek fesyen yang bersesuaian dengan zaman amat penting dalam sesebuah penerbitan. Tanpa kajian berkaitan aspek ini, sesebuah penerbitan akan pincang dan mungkin tidak mendapat sambutan hangat. Misalnya kejayaan filem Mat Kilau membuktikan bahawa ketepatan sejarah dari sudut gaya pemakaian penduduk setempat amat penting dalam sesebuah filem.

Persoalan Kajian

Persoalan yang dibangkitkan dalam kertas kerja ini ialah apakah bentuk fesyen pakaian rakyat biasa di Kedah pada penghujung abad ke-19 sehingga awal abad ke-20?

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada penerbit isi kandungan berkaitan sejarah silam di Malaysia khususnya bagi negeri Kedah. Maklumat yang dicungkil daripada gambar-gambar lama dapat membantu penerbit filem atau drama mencapai peratus ketepatan sejarah yang tinggi dalam aspek fesyen Melayu (Siti Zainon, 2006; Abdul Latiff, 2004; Hasma Ahmad et. al, 2015, Abbas, & Norwani, 2006).

Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini dibuat menganalisa kandungan terhadap gambar-gambar lama yang berkaitan dengan topik ini. Kaedah ini juga dikenali sebagai pencungkilan data visual dalam penyelidikan kualitatif (Marcus, 2007).

Kaedah ini juga disokong oleh (John et al., 2009) yang memperkenalkan fotografi sebagai satu cabang kaedah penyelidikan. Dengan kata lain, gambarfoto dapat membantu penyelidik untuk membuat analisis dan mencungkil data dengan lebih tepat terutama dalam kajian berkaitan masyarakat.

Dalam kajian ini lima keping gambar lama daripada peristiwa pertandingan laga kerbau di Alor Setar, Kedah pada tahun 1923 (Izmal, 2021) digunakan sebagai bahan kajian. Gambar-gambar ini diperoleh daripada Muzium Arkeologi dan Antropologi, Universiti Cambridge. Koleksi gambar ini merupakan antara sebahagian dari hasil kerja Ivor Hugh Norman Evans, Kurator Muzium Taiping, Perak. Acara laga kerbau ini merupakan salah satu aktiviti rakyat Kedah yang diadakan selepas musim menuai padi (Abdul Rashid, 1980).



Gambar 2: Kaum Lelaki Yang Terdiri Daripada Peserta Pertandingan Laga Kerbau Dan Para Penonton

Sumber: Izmal (2021)



Gambar 3: Suasana Dalam Gelanggang Laga Kerbau

Sumber: Izmal (2021)



Gambar 4: Penonton Bertopi Gaya Barat Juga Hadir

Sumber: Izmal (2021)



Gambar 5: Suasana Dalam Gelanggang Laga Kerbau

Sumber: Izmal (2021)



Gambar 6: Wanita Dan Kanak-Kanak Yang Hadir Ke Pertandingan Laga Kerbau

Sumber: Izmal (2021)

Dapatkan Kajian

Dapatkan daripada kajian ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu fesyen lelaki dan fesyen wanita.

Berdasarkan gambar-gambar yang dirujuk, majoriti lelaki Kedah didapati memakai baju Melayu, berseluar panjang, atau berkain pelikat. Ada yang memakai lilit kepala dan ada yang bersongkok. Mereka juga menggunakan kain pelikat sebagai sampin dan pengikat pinggang. Terdapat juga beberapa orang yang memakai baju agak berlainan misalnya baju ala kain kapas China, baju kurta India, dan berbaju kot potongan Barat. Fesyen kanak-kanak lelaki adalah sama seperti lelaki dewasa.

Fesyen wanita Kedah pula menunjukkan mereka memakai kain pelikat dan pelitup kepala (juga daripada kain pelikat). Baju mereka tidak kelihatan dalam gambar kerana dihalang oleh kerudung yang dipakai.

Kesimpulan

Analisis kandungan terhadap gambar-gambar yang dirujuk telah berjaya dilakukan. Kesimpulannya ialah fesyen rakyat biasa Kedah pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 adalah ringkas dan tampak murah. Kebanyakan gaya pemakaian yang ditunjukkan adalah sesuai dengan masyarakat petani yang didominasikan oleh orang Melayu.

Berdasarkan analisis ini juga, perlu ditegaskan bahawa pakaian rakyat biasa adalah sangat berbeza dengan golongan bangsawan. Maklumat ini wajar diambil berat oleh penerbit dan pengarah filem di Malaysia.

Dalam analisis ini juga, didapati terdapat pengaruh pakaian daripada luar Kedah. Misalnya pakaian ala Cina, India Muslim, dan Inggeris. Kaum wanita Kedah pula didapati menutup aurat

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

dengan menggunakan kain pelikat. Ini menunjukkan pengaruh agama Islam sangat kuat di Kedah pada waktu itu.

Oleh yang demikian, pencarian gambar rujukan yang berusia lebih lama berkaitan rakyat Kedah wajar diteruskan dalam kajian pada masa hadapan. Usaha ini dapat membantu menambah maklumat berkaitan fesyen yang menepati sejarah pada zaman dahulu.

Penghargaan

Kertas kerja ini diterbitkan hasil daripada penyelidikan melalui Geran Penjanaan Universiti Utara Malaysia.

Rujukan

- Abbas, A. & Norwani, M. N. (2006). *Pakaian Melayu sepanjang zaman*. Dawama Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid Jaafar. (1980). *Laga kerbau di Kedah*, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Latiff, A. B., & Mohd Nefi, I. (2004). *Busana Melayu serumpun*. Institut Seni Malaysia Melaka.
- Carnes, M. C., & Seixas, P. (Eds.). (2012). *Transnationalism, collaboration, and the new American history*. University of Toronto Press
- Elsaesser, T., & Hagener, M. (2015). *Film theory: an introduction through the senses*. Routledge.
- Hasma, A., D'Zul Haimi, M.Z., Rosita, M.T., & Nazirah, M.B. (2015). Analisis kandungan rupa bentuk fesyen pakaian Melayu di Malaysia, *Proceedings of International Conference on Malay Heritage and Civilisation*, 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi.
- Izmal, K. (2021, 26 November). *Pictorial & sejarah : acara laga kerbau di Alor Setar, Kedah -1923*, Bahan diakses pada 30 September 2022, daripada <https://www.facebook.com/archivistranung.melayu/posts/1129985074116546>
- Jins Shamsudin. (2014). *Filem Melayu: citra budaya dan rakaman sejarah*. Penerbit UUM.
- John, C. & Malcolm, C. (1986). *Visual anthropophlogy: photography as a research method*. University of New Mexico Press.
- Marcus, B. (2007). *Using visual data in qualitative research*. SAGE Publications Ltd.
- National Archives of Thailand. (2020). Bahan diakses pada 24 September 2020, daripada <https://archives.nat.go.th/en-us>
- Raja Nurfatimah, M. M. (2018, 14 Julai). *Penggambaran Mat Kilau terpaksa dihentikan*. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 30 September 2022, daripada <https://www.bharian.com.my/hiburan/wayang/2018/07/449016/penggambaran-mat-kilau-terpaksa-dihentikan>
- Rosenstone, R. A. (1995). *Visions of the past: the challenge of film to our idea of history*. Harvard University Press.
- Rosenstone, R. A. (2006). *History on film/film on history*. Pearson.
- Siti Zainon, I. (2006). *Pakaian cara Melayu*. Penerbit UKM.
- Thompson, K. (2001). *Storytelling in world cinemas: contexts*. Columbia University Press.